

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen A6

BETA PERKENANKAN,

SULTAN AZLAN SHAH,
Sultan Perak

18 Januari 2006

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2005.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 37

2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*En. 4/2004*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam teks bahasa Inggeris dalam seksyen 37–

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Mufti” dengan perkataan “*Mufti*”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “fatwa” dan “Mufti” dengan masing-masing perkataan “*fatwa*” dan “*Mufti*”;

(c) dalam subseksyen (4)–

(i) dengan menggantikan perkataan “*fatwa Committee*” dengan perkataan “*Fatwa Committee*”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “assent” dengan perkataan “consent”; dan
- (d) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “assented” dengan perkataan “consented”.

Pindaan seksyen 40

3. Seksyen 40 Enakmen ibu dipinda–

- (a) dalam subseksyen (4), dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “assent” dengan perkataan “consent”; dan
- (b) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “dan Majlis Raja-Raja telah memperkenankan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu, maka Majlis selepas berunding dengan Jawatankuasa Fatwa hendaklah menimbangkan nasihat dan syor itu dan sesudah itu boleh menyebabkan supaya fatwa mengikut nasihat dan syor itu disiarkan dalam *Warta* tanpa apa-apa pindaan atau ubahsuaian, dan peruntukan seksyen 37, kecuali subseksyen 37(7), hendaklah terpakai baginya” dengan perkataan “dan Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu, maka Majlis selepas berunding dengan Jawatankuasa Fatwa boleh menimbangkan nasihat dan syor itu dan sesudah itu Jawatankuasa Fatwa boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan Baginda supaya fatwa mengikut nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan disiarkan dalam *Warta* tanpa apa-apa ubahsuaian atau pindaan dan subseksyen 37(5), (6), (8) dan (9) hendaklah terpakai baginya.”.

Pindaan seksyen 41

4. Seksyen 41 Enakmen ibu dipinda–

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “dan seksyen 37, kecuali subseksyen 37(7), hendaklah terpakai baginya” dengan perkataan “yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah subseksyen 37(3)”;
- dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:
- “(2A) Jawatankuasa Fatwa hendaklah, melalui Mufti, memaklumkan Majlis tentang fatwa yang hendak diterima pakai itu dan sesudah itu Jawatankuasa Fatwa boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan Baginda bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta*.
- (2B) Subseksyen 37(5), (6), (8) dan (9) hendaklah terpakai bagi fatwa itu.”.

Pindaan seksyen 68

5. Seksyen 68 dalam teks bahasa Inggeris Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Religions” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Religious”.

Seksyen baru 106A

6. Enakmen ibu dipinda dalam BAHAGIAN X dengan memasukkan sebelum seksyen 107 seksyen yang berikut:

“Pemberian tauliah

106A. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam, memberikan tauliah bagi maksud pengajaran agama Islam atau apa-apa perkara tentang agama Islam atau menarik balik tauliah itu.”.

Pindaan seksyen 107

7. Seksyen 107 Enakmen ibu dipinda dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan seksyen 108

8. Seksyen 108 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan angka “106” dengan angka “106A”.

Pindaan seksyen 110

9. Seksyen 110 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Majlis boleh” perkataan “, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan,”.

Bertarikh 28 November 2005

[PU.Pk. 10/04]

DATO' ENSKU NOR FAIZAH BINTI ENSKU ATEK
Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan

LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment A6

I ASSENT,

SULTAN AZLAN SHAH,
Sultan of Perak

18 January 2006

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam (Perak) Enactment 2004.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (Perak) (Amendment) Enactment 2005.

(2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by Duli Yang Maha Mulia Sultan by notification in the *Gazette*.

Amendment of section 37

2. The Administration of the Religion of Islam (Perak) Enactment 2004 [*En. 4/2004*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in the English language text in section 37–

- (a) in subsection (1), by substituting for the word “Mufti” the word “*Mufti*”;
- (b) in subsection (2), by substituting for the words “fatwa” and “Mufti” the words “*fatwa*” and “*Mufti*” respectively;
- (c) in subsection (4)–
 - (i) by substituting for the words “*fatwa* Committee” the words “*Fatwa* Committee”; and

- (ii) by substituting for the word “assent” the word “consent”; and
- (d) in subsection (6), by substituting for the word “assented” the word “consented”.

Amendment of section 40

3. Section 40 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (4) in the English language text, by substituting for the word “assent” the word “consent”; and
- (b) in subsection (6), by substituting for the words “and the Conference of Rulers have assented to the advice and recommendation of the National *Fatwa* Committee, the Majlis after consulting the *Fatwa* Committee shall consider the advice and recommendation and thereupon may cause the *fatwa* according to such advice and recommendation to be published in the *Gazette* without any amendment or modification, and the provision of section 37, except subsection 37(7), shall apply thereto” the words “and the Conference of Rulers have agreed with the advice and recommendation of the National *Fatwa* Committee, the Majlis after consulting the *Fatwa* Committee may consider the advice and recommendation and thereupon the *Fatwa* Committee may make a recommendation to Duli Yang Maha Mulia Sultan for His consent for the publication of the *fatwa* in accordance with the advice and recommendation of the National *Fatwa* Committee in the *Gazette* without any amendment or modification and subsections 37(5), (6), (8) and (9) shall apply to it.”.

Amendment of section 41

4. Section 41 of the principal Enactment is amended-

- (a) in subsection (2), by substituting for the words “and section 37, except subsection 37(7), shall apply thereto” the words “prepared by the *Fatwa* Committee under subsection 37(3)”; and

- (b) by inserting after subsection (2) the following subsections:
- “(2A) The *Fatwa* Committee shall, through the *Mufti*, inform the Majlis of the *fatwa* proposed to be adopted and thereupon the *Fatwa* Committee may make a recommendation to Duli Yang Maha Mulia Sultan for His consent for the publication of the *fatwa* in the *Gazette*.
- (2B) Subsections 37(5), (6), (8) and (9) shall apply to the *fatwa*.”.

Amendment of section 68

5. Section 68 of the English text of the principal Enactment is amended by substituting for the word “Religions” wherever it appears the word “Religious”.

New section 106A

6. The principal Enactment is amended in PART X by inserting before section 107 the following section:

“Grant of *tauliah*

106A. Duli Yang Maha Mulia Sultan may, on the recommendation of the Islamic Religious Teaching Supervisory Committee, grant a *tauliah* for the purpose of the teaching of the religion of Islam or any aspect of the religion of Islam or withdraw such *tauliah*.”.

Amendment of section 107

7. Section 107 of the principal Enactment is amended by deleting subsection (3).

Amendment of section 108

8. Section 108 of the principal Enactment is amended by substituting for the figure “106” the figure “106A”.

Amendment of section 110

9. Section 110 of the principal Enactment is amended by inserting after the words “The Majlis may” the words “, with the consent of Duli Yang Maha Mulia Sultan,”.

Dated 28 November 2005
[PU.Pk. 10/04]

DATO’ ENSKU NOR FAIZAH BINTI ENSKU ATEK
State Legal Adviser
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak[®]

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA